



Pelan Pemulihan Ekonomi

SIARAN MEDIA | 24 APRIL 2020



KENYATAAN MEDIA

PELAN PEMULIHAN EKONOMI
Kerajaan akan merangka strategi jangka panjang yang akan merangkumi langkah-langkah untuk melestarian teras ekonomi, alam, dan sosial Malaysia.

Saya berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kerana memberi amanah dan tanggungjawab kepada Kementerian Kewangan – yang akan bekerjasama rapat dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE) – untuk merangka Pelan Pemulihan Ekonomi yang menyeluruh.

Dalam masa terdekat, tumpuan Kementerian Kewangan adalah kepada usaha-usaha jangka pendek dan sederhana, yang perlu diambil dalam tempoh PKP dan selepas tamatnya PKP demi memastikan kelangsungan ekonomi serta kesejahteraan rakyat. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga akan merangka strategi jangka panjang yang akan merangkumi langkah-langkah untuk melestarian teras ekonomi, alam, dan sosial Malaysia. Teknologi digital akan memainkan peranan yang penting dalam memastikan kelestarian dan daya saing negara di masa hadapan.

Antara objektif jangka masa pendek dan sederhana yang disasarkan ini termasuk (1) membina keupayaan perniagaan dan individu; dan (2) menanamkan keyakinan di kalangan pengguna serta (3) memperkasakan persekitaran pelaburan yang lebih positif untuk masa hadapan.

Pelan ini akan menjadi penghubung dan pelengkap kepada pelbagai pakej rangsangan ekonomi yang telah diumumkan Kerajaan sebelum ini untuk melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan memperkukuh ekonomi ekoran penularan wabak COVID-19.

Kementerian Kewangan sedia maklum akan cabaran-cabaran norma baharu (the new normal) yang bakal dihadapi berlatarbelakangkan persekitaran dunia pasca- COVID-19. Oleh itu, bersama dengan UPE, sesi libat urus telah pun bermula bersama dengan pihak berkepentingan pelbagai industri dan sektor untuk mendapatkan maklumbalas yang



English



dan juga Kabinet dalam masa terdekat.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz

Menteri Kewangan Putrajaya

24 April 2020

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[HARGA MINYAK](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[TENGGU ZAFRUL](#)

[BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)

[KWSP](#)

[I-SINAR](#)

[SINAR HARIAN](#)

[JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)

[PRIHATIN MOF](#)

[BERITA HARIAN](#)

[THE STAR](#)